

# Gaya Bahasa dalam E-mel

*Language Review  
Malaysia  
p. 48-53*

*www.internet  
p: 54-57*

## KINI DIANGGARKAN

sudah ada 800 juta orang pengguna Internet setiap hari di seluruh dunia. Kalau demikian, bilangan orang yang menggunakan e-mel setiap hari tidaklah kurang daripada angka itu kerana banyak mempunyai lebih satu alamat e-mel. Bilangan pengguna e-mel itu akan meningkat lagi kerana e-mel sudah terbukti menjadi media komunikasi yang paling popular masa kini.

E-mel popular kerana e-mel membolehkan komunikasi banyak hala, seperti *one-to-one*, *one-to-many*, *many-to-one*, dan *many-to-many*. E-mel lebih cepat, mudah, dan murah berbanding dengan perkhidmatan pos yang kini didapati telah bergerak seperti kura-kura, malah telah dikiaskan sebagai "pos siput", walaupun ditambah cogan kata "pos laju". Kelajuan "pos laju" yang menjamin dokumen akan sampai di destinasi pada keesokan harinya itu masih tidak dapat menandingi kepantasan e-mel. Beberapa saat atau minit selepas kita mengklik *send*, e-mel itu sudah



orang daripada Bilangan akan mening-

**Gaya bahasa e-mel berbeza daripada gaya bahasa persuratan yang lain. Gaya bahasanya dikatakan tidak mengikut nahu yang betul. Akibatnya, gaya bahasa e-mel dikritik sebagai perosak bahasa. Benarkah hal itu? DING CHOO\* MING mencuba menjawab persoalan itu.**

sampai ke destinasi, tidak kira jumlah penerimanya dan tempat mereka berada.

E-mel popular juga kerana penulis e-mel tidak perlu lagi menulis nama dan alamat penerima di sampul surat, lebih-lebih lagi mencari peti pos, yang mungkin terletak di tempat yang jauh. Segalanya itu memudahkan pengguna, dalam erti kata menjimatkan masa, tenaga, dan wang, sekali gus mengurangkan tekanan jiwa dan psikologi. Oleh sebab keistimewaan tersebut, orang ramai kini bukan sahaja lebih yakin terhadap keberkesanan e-mel

sebagai media komunikasi, malah mereka menganggap e-mel sebagai pengganti peranan surat biasa, sama ada untuk urusan perniagaan, peribadi, pendidikan, ataupun pencarian maklumat.

Tidak kira apa-apa juga motif pengirimnya, perkara yang menarik untuk diperkatakan tentang e-mel ialah gaya bahasanya. Hal itu sudah tentu ada kaitannya dengan usia, jantina, latar belakang, tujuan, angin penulis, masa yang dimiliki oleh penulis, hubungan antara penulis dengan penerima, pengalaman penulis menggunakan komputer, tahap pendidikan penulis, tabung perbendaharaan kata, dan lebih-lebih lagi, pemilihan katanya. Oleh sebab belum ada lagi garis panduan rasmi tentang cara menulis e-mel, maka setiap orang mempunyai caranya dan gayanya yang tersendiri. Daripada hal itu, lahirlah format yang berlainan antara seseorang penulis e-mel dengan yang lain. Namun demikian, perbezaan yang ketara antara e-mel dengan surat biasa ialah mesej.


Setakat ini, gaya bahasa yang digunakan dalam e-mel belum ditemukan dalam bentuk komunikasi bertulis yang lain. Antaranya, akronim dan kesalahan ejaan dan bahasa yang tidak mengikut hukum nahu. Antara akronim yang digunakan dalam e-mel termasuklah “u” untuk *you*, “2” untuk *to*, “n” untuk *and*, “plis” untuk *please*, “fw” untuk *forwarding*, dan “re” untuk *reply*, selain akronim seperti “cya” untuk *see you*, “ya” untuk *you*, “goin” untuk *going*, “coz” untuk *because*, “grs” untuk *great*, “mca” untuk *may come again*, “mic” untuk *may I see*, “hth” untuk *hope this helps*, dan “asap” untuk *as soon as possible*.

Perkembangan bahasa itu telah menyebabkan sesetengah guru bahasa generasi tua berasa bimbang. Mereka risau akan ejaan dan nahu yang digunakan dalam e-mel yang akan menyebabkan generasi muda tidak peka kepada ejaan dan nahu yang betul. Mereka menyatakan bahawa peningkatan dan penggunaan gaya bahasa e-mel itu seolah-olah petanda awal berakhirnya kebolehan manusia untuk menulis ayat yang lengkap dan betul dari segi nahu. Tidak kira apa-apa juga kritikan negatif terhadapnya, persoalan kini ialah tidakkah gaya bahasa sedemikian akan menimbulkan salah faham antara penulis dengan penerima e-mel? Kemungkinan itu ada kerana akronim yang belum biasa, lebih-lebih lagi yang

kabur oleh sebab mempunyai makna berlapis. Hal itu boleh mencetuskan salah tafsiran mesej yang ingin disampaikan. Misalnya, “bata” boleh juga ditafsirkan sebagai *buy and throw away*, selain jenama kasut, atau “mas” boleh juga diertikan sebagai *must always suffer* selain nama syarikat penerbangan Malaysia, atau “sia” boleh juga ditafsirkan untuk membawa makna *suffer in agony*, selain nama syarikat penerbangan Singapura. Demikian juga, “phd” boleh juga diertikan sebagai *permanent head damage*, selain erti sebenarnya, iaitu doktor falsafah.

Akronim digunakan untuk menjimatkan ruang komputer. Oleh sebab keterbatasan ruang itu juga, maka mesej dalam e-mel pada peringkat awal pendek sahaja. Untuk menjimatkan ruang, lebih-lebih lagi kerana ingin cepat, kata pendahuluan, bahasa klise, dan bahasa yang berbunga-bunga tidak ditulis. E-mel tidak bermula dengan kata klise, seperti *dear sir*, atau berakhir dengan kata klise, seperti *yours sincerely*, apatah lagi diikuti oleh tanda tangan penulis. Sebaliknya, format dan gaya bahasa dalam e-mel amat “kasar” dan “informal”. Bermula dengan *hi* atau *hello* dan nama si penerima, e-mel jarang-jarang juga berakhir dengan kata klise, seperti *thank you, all the best*, dan *take care*. Yang tinggal ialah inti pati mesej yang ditulis dalam bahasa yang tidak mengikut nahu. Jika dipandang dari segi yang positif, penggunaan gaya bahasa e-mel telah membuka laluan baharu kepada individu untuk memperkembang julat gaya bahasa.

Perkembangan itu wajar diterima sebagai sesuatu yang positif, iaitu pembuka lorong baharu kepada pendidikan dan pengembangan bahasa, dan tidak harus dipandang dari segi yang negatif,




iaitu sebagai perosak bahasa. Dengan kata lain, setiap individu wajar digalakkan untuk meluahkan emosi dan perasaan dengan sebebas-bebasnya, seperti penulis kreatif, terutama penyair, yang digalakkan sejak dahulu untuk menggunakan kreativiti mereka demi menghasilkan karya yang asli, baharu, berbeza, dan istimewa. Karya sastera seumpama itu merupakan sumber kegembiraan, kehairahan, malah harapan baharu yang lahir daripada ilham sejati dan kreativiti tulen. Namun begitu, e-mel yang banyak akronim, yang ditulis tidak mengikut nahu itu, ditempelak dan dikritik sebagai perosak bahasa. Tidakkah bahasa bukan isu penting dalam e-mel? Yang dipentingkan ialah mesejnya. Selain itu, tidakkah bahasa seharusnya dijaga dalam karya sastera, tetapi tidak begitu halnya, terutama dalam sajak dan puisi? Bukankah sajak yang indah, kuat, dan agung lahir daripada penyair yang terkenal yang tidak mengikut nahu? Tidakkah sajak yang indah itu akan menjadi sebaliknya jika ditulis semula mengikut nahu yang diajarkan di sekolah?

Walau bagaimanapun, gaya bahasa e-mel kini bukanlah bersifat perubahan. Perkembangan itu biasa. Sejak dahulu, banyak kata baharu lahir, dan yang lain dicipta atau disesuaikan selaras dengan

perkembangan teknologi. Dalam konteks itu, makna sesetengah kata telah dikembangkan untuk merangkum konsep atau fungsi baharu. Misalnya, istilah yang berkaitan dengan komputer, termasuklah *Windows*, *Desktop*, fon, potong dan tampal, tetikus, dan kayu. Dengan kata lain, gaya bahasa e-mel itu cuma perkembangan baharu untuk membolehkan individu meluahkan perasaan dengan secepat mungkin dalam ruang masa yang terbatas kerana dalam dunia pascamodenisme ini, segalanya mesti cepat dan ringkas. Yang menarik ialah sesetengah akronim itu telah dimasukkan ke dalam edisi terbaharu *Oxford English Dictionary* walaupun dibantah keras oleh sesetengah orang, terutama ahli bahasa tulen. Bantahan seumpama itu biasa setiap kali ada kata baharu dimasukkan ke dalam kamus Inggeris yang berwibawa itu dari masa ke masa.

Di samping akronim, masih banyak lagi gaya e-mel yang lain yang disebut sebagai *deliberate e-mailism*. Antaranya termasuklah menghurufbesarkan kata yang tidak perlu ditulis sedemikian, yang disebut sebagai *shouting* untuk menunjukkan kemarahan penulis e-mel, kata yang perlu ditulis dalam huruf besar tidak ditulis sedemikian, banyak kata dipendekkan, kelihatan semacam pengecutan, seperti *can't*, *doesn't*, dan *isn't*, tidak ada kata pendahuluan dan penutup, seperti *dear sir*, *with reference to your letter*, dan *yours sincerely* dalam surat biasa; yang ada ialah *dear*, atau nama si penerima sebagai pendahuluan dan *yours*, *cheers*, dan *love* sebagai penutup, dan banyak menggunakan tanda seruan, seperti "xxx" untuk *kisses*, "!!!!!" untuk kemarahan, dan "...." untuk mengatakan bahawa ada lagi yang ingin disampaikan, tetapi cukuplah setakat yang sempat ditulis kerana penerima e-mel itu boleh mengagak yang lain itu.

Gaya yang tersebut itu dapat dianggap sebagai ciri kerana terdapat dalam 80 peratus e-mel yang dikaji, tidak kira tujuan dan latar belakang penulisnya yang terdiri daripada kakitangan akademik, mahasiswa universiti dan kolej, pelajar sekolah, peniaga, dan pegawai kerajaan dan syarikat swasta, untuk e-mel jemputan majlis perkahwinan, hari jadi, mesyuarat, dan mesej peribadi. Antara e-mel perniagaan dengan e-mel sosial, e-mel perniagaanlah yang paling mudah difahami kerana tidak banyak akronim dan kata kreatif yang pelik, selain tidak



banyak kesalahan ejaan.

Sebaliknya, e-mel sosial dan e-mel peribadi merupakan yang paling susah difahami kerana banyak akronim yang baharu dan kata kreatif penulis untuk meluahkan perasaan atau menyatakan fantasi masing-masing. Dalam e-mel peribadi, penulis boleh memasukkan apa-apa sahaja yang dirasakan perlu diketahui oleh pihak yang lain. Hal ini termasuklah khabar angin, jenaka, rahsia diri dan orang lain, serta perasaan sedih, gembira, dan kecewa yang tidak boleh dimasukkan ke dalam e-mel perniagaan. Sehubungan dengan hal itu, sekiranya e-mel perniagaan mempunyai tujuan yang tertentu, e-mel sosial tidaklah sedemikian kerana boleh mempunyai beberapa banyak tujuan yang berlainan. Di baliknya, e-mel sosial jarang-jarang mengandungi lampiran dan petikan yang banyak terdapat dalam e-mel perniagaan dan e-mel rasmi. Namun begitu, e-mel sosial didapati yang paling panjang atau yang paling pendek berbanding dengan e-mel perniagaan yang mempunyai saiz yang lebih kurang sama dengan yang lain.

Selain itu, perubahan gaya bahasa itu berlaku juga kerana perubahan sosiobudaya masyarakat kini, dan bukannya kerana perkembangan teknologi, terutama teknologi komunikasi dan maklumat dan media massa. Setelah dilakukan perbandingan secara rambang, didapati bahawa penulisan di Amerika Syarikat dan di United Kingdom, misalnya, sudah condong ke arah bahasa perbualan sejak awal kurun ke-20. Hasilnya, didapati bahawa bahasa Inggeris kini sudah menjadi kurang "baku" dan preskriptif berbanding dengan bahasa Inggeris sebelum kurun ke-20. Perkembangan yang berlaku atau dilakukan terhadap bahasa Inggeris itu dilihat sebagai varian yang menarik dan bukannya penyelewengan. Itulah sebabnya sesetengah akronim dalam e-mel sudah dimasukkan ke dalam *Oxford English Dictionary*. Itulah juga faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan gaya bahasa dalam novel, majalah, dan akhbar, walaupun kurang ketara dalam buku dan jurnal ilmiah yang diterbitkan oleh institusi penyelidikan.

Perkara lain yang perlu disentuh ialah ada banyak ejaan yang salah dalam e-mel, termasuk e-mel daripada ketua eksekutif, pengarah, pengerusi syarikat, dan pegawai tinggi. Selain bertelefon, banyak bos syarikat dan organisasi kini mendapati

timbulnya keperluan untuk berkomunikasi secara terus dengan bos syarikat yang lain dengan menghantar e-mel, tanpa melalui setiausaha masing-masing. Hal ini bermakna bahawa e-mel itu tidak disemak terlebih dahulu oleh setiausaha masing-masing. Antara kesalahan ejaan yang biasa termasuklah *becausene* yang sepatutnya *because we* dan *whats* yang sepatutnya *what's*.

Secara umum, kesalahan ejaan berlaku kerana tiga faktor. Yang pertama, penulis tidak prihatin tentang ejaan yang betul dan malas menyemak kamus. Yang kedua, penulis sibuk dan ingin cepat, maka tidak menyemak apa-apa yang sudah ditaip semula, walaupun tahu akan ejaan yang betul. Yang ketiga, penulis tidak pernah dilatih untuk menaip; lagipun tidak biasa menaip, maka mendapati bahawa menaip itu kerja yang susah, selain susah mencari huruf pada mesin taip.

Dengan hal demikian, sebab utama timbulnya gaya bahasa dalam e-mel, seperti yang diperkatakan itu, ialah kreativiti penulis e-mel, selain mereka dikehendaki juga menyatakan apa-apa sahaja yang dihajati dengan sebanyak yang mungkin, tetapi dalam ruang yang ada, lebih-lebih lagi dalam masa yang paling singkat. Maka, mereka perlu menulis dengan cepat dan ringkas. Oleh sebab itu, kreativiti seharusnya dipandang dari segi yang positif dan tidak boleh dilihat dari segi yang negatif, lebih-lebih lagi dari sudut pandangan orang tua. Di sini tidak timbul isu kesalahan ejaan dan kependekan, misalnya, yang mencerminkan diri penulis itu malas, sudah penat, maka bersikap "tidak apa", malah tidak peduli sama ada yang ditulis itu dapat difahami, betul, ataupun boleh diterima orang lain. Yang penting ialah semakin lama semakin banyak akronim dan kependekan dalam e-mel yang sudah dimasukkan ke dalam *Oxford English Dictionary* dari masa ke masa.

Perkara lain yang tidak kurang penting ialah tidak kira apa-apa juga yang sudah terjadi, menulis e-mel sosial kini sudah lebih bebas dan fleksibel berbanding dengan menulis surat biasa atau e-mel perniagaan. E-mel popular bukan sahaja kerana perkembangan teknologi, malah menulis e-mel itu sendiri lebih senang dan mudah oleh sebab tidak perlu mengikut hukum, standard, dan peraturan menulis surat biasa, lebih-lebih lagi e-mel membolehkan komunikasi banyak hala, terutama dari atas ke bawah atau dari bawah ke atas, dengan berkesan. ■